

UBD RAIH SATU LAGI PENCAPAIAN MEMBANGGAKAN

Siaran Akbar : Universiti Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Oktober. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) buat pertama kalinya, ditempatkan di dalam kumpulan 201-250 untuk Sains Sosial, dalam Kedudukan Subjek Universiti Dunia Times Higher Education (THE) yang baru dilancarkan.

Pencapaian yang membanggakan itu, sekali gus meletakkan UBD, di kedudukan ketiga, di ASEAN bersama National University of Singapore; dan Nanyang Technological University.

UBD menunjukkan prestasi yang sangat baik dalam Impak Penyelidikan Sains Sosial, dalam 21 persentil teratas; dan Prospek Antarabangsa, 27 persentil teratas, di dunia.

Sains Sosial adalah bidang ketiga UBD, yang mendapat kedudukan oleh THE, berikutnya kejayaan dalam bidang Kejuruteraan, baru-baru ini, di kedudukan 201-250; dan Sains Fizikal, di kedudukan 401-500, di dunia.

Bagi sebuah universiti yang kecil dan masih muda, ia merupakan satu pencapaian yang besar untuk berada di antara universiti terbaik, di dunia dan pencapaian ini, sebagaimanya disebabkan oleh kualiti akademik juga impak penyelidikan UBD.

Sains Sosial adalah kajian mengenai tingkah laku manusia dan ia menyumbang pada pemahaman masyarakat, termasuk berbagai interaksi sosial, sama ada ekonomi, budaya atau

sosial.

Penyelidikan Sains Sosial sangat berguna dalam membantu penggubal dasar dan agensi kerajaan bagi merangka polisi; menyumbang pada pembangunan masyarakat juga ekonomi Brunei dan membantu meningkatkan kualiti hidup.

UBD menawarkan Sains Sosial sejak penubuhannya, pada tahun 1985 dan ia dipelajari, di pelbagai fakulti dan pusat penyelidikan, di UBD.

Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS) merupakan fakulti terbesar, yang menawarkan program dalam Pengajian Melayu, termasuk Bahasa Melayu & Linguistik dan Kesusastraan Melayu; Pengajian Bahasa Inggeris; Geografi; Persekutuan dan Pembangunan; Sejarah; Sosiologi; Antropologi; dan Industri Reka Bentuk dan Kreatif.

Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Profesor Madya Dr. Noor Azam bin OKMB Haji Othman berkata, "Alhamdulillah, pengiktirafan oleh THE ini menjadi bukti hasil usaha kolektif penyelidik Sains Sosial, di UBD terhadap masyarakat. Dengan fokus yang kuat pada isu-isu yang relevan dengan masyarakat, para penyelidik dan pelajar kami dilatih untuk memerhatikan perkara-perkara yang dapat membantu penggubal dasar dan meningkatkan kesejahteraan juga kualiti hidup masyarakat, yang membawa kita selangkah lebih dekat untuk mencapai Wawasan Brunei Darussalam 2035,

insyaAllah".

Sumbangan utama Sains Sosial adalah latihan dan penyelidikan mengenai masalah sosial yang dihadapi masyarakat, di mana melalui analisis yang boleh dipercayai dan sah menggunakan metodologi penyelidikan juga statistik lanjutan, penyelidikan Sains Sosial menyumbang pada pemahaman mengenai masalah sosial dan menawarkan penyelesaian dasar yang akan berguna kepada pembuat dasar juga agensi kerajaan.

Dalam pada itu juga, UBD bekerjasama bersama pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan, seperti Kementerian Kesihatan; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Kementerian Kewangan dan Ekonomi; Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; sektor swasta; juga agensi antarabangsa, seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Sementara itu, UBD juga bekerjasama bersama Goldman School of Public Policy, University of California Berkeley; School of Public Policy, Maryland University; McCourt School of Public Policy, University of Georgetown; dan Sanford School of Public Policy, Duke University, yang menawarkan Program Master of Public Policy and Management (MPPM).

MPPM bertujuan untuk mengembangkan pemimpin transformasi berkaliber tinggi dalam pengurusan awam yang mampu merumuskan dan mengkaji semula secara kritis juga mengurus pelaksanaannya untuk memenuhi tuntutan pembangunan negara.

Universiti memberi penekanan besar kepada pelajar dalam mengimbangi pencapaian akademik dengan penyertaan aktif dalam masyarakat.

Dengan pendekatan pembelajaran multidisiplin UBD, pelajar memperluaskan pelbagai pengalaman mereka melalui Program Discovery Year selama setahun. Selama beberapa tahun kebelakangan, pelajar UBD mengajar Bahasa Inggeris, di Thailand Selatan, Viet Nam dan Indonesia.

Program-program ini menyediakan pembelajaran, berdasarkan pengalaman pelajar, menyumbang kepada masyarakat dengan membantu menangani masalah dan mencari jalan keluar, yang akan memberi kesan positif pada kehidupan masyarakat dan pelajar itu sendiri.

Di Negara Brunei Darussalam, para pelajar sendiri mengambil

peranan yang aktif dalam menyelesaikan masalah sosial. Sebagai contoh, projek untuk Meningkatkan Intervensi Sosioekonomi dan Pendidikan, di Kampung Bolkiah; dan Projek Perpustakaan Manusia, di Kampung Amo 'B', Temburong, bertujuan untuk meningkatkan kadar literasi dan numerasi dalam kalangan penduduk pelajar dengan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pendidikan.

Pelajar secara sukarela mengajar mata pelajaran teras, seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Pelajar UBD juga membantu menjalankan program aktiviti, di Pusat Amal Cerah Sejahtera, Pusat Kegiatan Warga Emas juga membantu lawatan ke rumah bagi pesakit warga emas, di bawah Penjagaan Kementerian Kesihatan.

Jika tempahan awda tidak ada kod QR, ini bermakna tempahan awda adalah belum disahkan.



Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Pandemic.

Manakala mahasiswa Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI) UNISSA, iaitu Siti Aisah binti Abdullah; dan Siti Amal Izzati binti Mohd. Dani dengan kertas kerja mereka bertajuk, 'Peranan dan Tanggungjawab Belia Dalam Pengurusan Pembangunan Islam' diumumkan sebagai penerima tempat ketiga Best Article Kategori Character Building.

Sementara, Azera Nasoha binti Azman dan Masbatrisyia binti Haji Masri, mahasiswa PPHT UNISSA, dengan kertas kerja mereka bertajuk, 'COVID-19 : The Elements of Islamic Principles in Preventive Measure and Coping Strategies' dinobatkan sebagai Best Presentation Team.

BUAF merupakan forum ilmiah peringkat sarjana yang menampilkan komitmen tinggi dalam kalangan para mahasiswa yang mewakili setiap universiti. Dengan pertandingan ini juga, para peserta akan memiliki kecintaan terhadap ilmu pengetahuan, menajamkan daya intelektual yang diwujudkan dalam pelbagai karya-karya ilmiah akademik.

Dalam waktu yang sama, UNISSA menghantar dua kumpulan mahasiswa yang mengikuti kursus di PPHT untuk menyertai Insan Junior Researchers International Conference (iJURECON) 2021 anjuran Kolej GENIUS Insan dan USIM 'Alamiyyah, Universiti Sains Islam Malaysia, yang berlangsung melalui platform dalam talian selama dua hari, bermula 15 Oktober 2021.

Dalam pertandingan ini, UNISSA juga mampu untuk berdaya saing apabila pihak pengajur mengumumkan, bahawa peserta UNISSA diwakili oleh Abdul Rahim bin Haji Iedin Roslan; Latifah Hannani binti Haji Md. Jini; Abdul Aziz Haji Abdul Sani; Mohammad Shahroll Amien Haji Abdul Salam; dan Muhammad Ikram Mirza Haji Sufri, dengan kertas kerja mereka bertajuk, 'A Pioneer of Divine Vaccine During the Psychological Challenge of COVID-19 Widespread in Brunei Darussalam' meraih anugerah Best Video dan Most Promising Research, bagi Kategori Sosial Sains.

Manakala kumpulan kedua, terdiri daripada Nurninashahawana binti Haji Osmara; dan Nor Surilawana binti Haji Sulaiman dengan kertas kerja mereka, bertajuk 'A Knowledge and Acceptance of COVID-19 Vaccination Among UNISSA Community' juga diumumkan sebagai penerima anugerah Best Poster Kategori Sosial Sains.

iJURECON 2021 merupakan persidangan untuk para pelajar membentangkan hasil kajian mereka dalam persidangan yang melibatkan peserta dari pelbagai negara, termasuk Australia, Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Thailand.

Penyertaan UNISSA dalam pertandingan yang dianjurkan adalah untuk membina kemahiran berfikiran kritis dalam menghasilkan sesbuah kajian, di samping untuk mengetengahkan bakat dan kemahiran persembahan juga komunikasi yang berkesan.

Mahasiswa UNISSA buktikan kemampuan di persada antarabangsa

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Oktober. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) kini giat memberikan pendedahan kepada mahasiswa kemahiran berfikir secara kreatif dengan menyertai pertandingan, di peringkat universiti luar negara.

Tiga kumpulan mahasiswa dari UNISSA membuktikan

kemampuan masing-masing setelah memperoleh senarai terbaik dalam pertandingan Borneo Undergraduate Student Forum Ke-5 (BUAF Ke-5) 2021, anjuran IAIN Pontianak, Indonesia yang berlangsung melalui platform dalam talian selama tiga hari, bermula 12 Oktober 2021.

Pihak pengajur mengumum-

kan, bahawa Nurninashahawana binti Haji Osmara, iaitu mahasiswa Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT) UNISSA dengan kertas kerja beliau bertajuk, 'COVID-19 : The 'New Normal' in Higher Education' meraih tempat pertama Best Article bagi Kategori Learning Technologies in COVID-19

kan, bahawa Nurninashahawana binti Haji Osmara, iaitu mahasiswa Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT) UNISSA dengan kertas kerja beliau bertajuk, 'COVID-19 : The 'New Normal' in Higher Education' meraih tempat pertama Best Article bagi Kategori Learning Technologies in COVID-19



MAHASISWA Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Nurninashahawana binti Haji Osmara meraih tempat pertama Best Article bagi Kategori Learning Technologies in COVID-19 Pandemic.